HAJI MAHADI SHARNARUDIN

lwn

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI

MAHKAMAH TINGGI, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H.
[GUAMAN SIVIL NO. 56/1984]
9 OGOS 1993

TORT: Kemalangan jalanraya di Saudi Arabia sewaktu mengerjakan ibadat Haji - Samada perbuatan atau peninggalan defendan yang menyebabkan kerugian plaintiff - 'But for' test - Samada orang yang menentukan kenderaan yang terlibat adalah ejen bagi defendan.

Pada 21 Oktober 1982 si plaintif dan isterinya terlibat dalam satu kemalangan apabila bas yang membawa mereka ke lapangan terbang Jeddah di Saudi Arabia terlibat dalam satu kemalangan dengan sebuah lori. Si plaintif mengalami kecederaan serius dan tidak sedarkan diri. Isteri si plaintif mengalami kecederaan ringan. Pada 25 Oktober 1982 si plaintif, masih dalam coma, dihantar pulang ke Malaysia dari Hospital Umum, Jeddah.

Si plaintif membawa tuntutan gantirugi terhadap si defendan dimana beliau menyatakan bahawa beliau seorang 'customer and/or client' si defendan pada waktu material dan tanggungjawab atas keselamatan perjalanannya semasa mengerjakan Ibadat haji dan sehingga beliau selamat pulang ke Malaysia.

Si defendan menafikan si plaintif 'customer/ client' dan menyatakan beliau hanya 'depositor' dengan si defendan kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji Fund. Defendan juga mengatakan bahawa ianya tidak bertanggungjawab dari sisi 'kontrak' untuk kejadian tersebut dan bahawa bas yang membawa si plaintif tidak dimiliki atau di pandu oleh agen atau 'servant' nya. Selain daripada itu, si defendan bergantung kepada sepucuk surat ditandatangan oleh isteri si plaintif untuk melepaskan (absolve) tanggungjawab si defendan terhadap si plaintif. Surat tersebut adalah 'surat kemaafan' yang diperlukan apabila mengeluarkan pesakit daripada hospital di Jeddah.

Diputuskan:

[1] Si plaintif menanggung beban membuktikan bahawa si defendan mempunyai kewajipan berjaga-jaga terhadap si plaintif dan si defendan telah melanggarinya melalui kecuaian yang telah menyebabkan kecederaan dan kerugian yang dialami si plaintif. Ujian yang diterimapakai untuk mempertimbangkan samada perbuatan atau peninggalan si defendan yang mengakibatkan kerugian si plaintif adalah menggunakan 'but for test'.

Pengajian segala undang-undang dan risalah mengenai penunaian ibadat Haji dan tanggungjawab yang terlibat memperlihatkan bahawa si plaintif hanya seorang penyimpan dengan si defendan menurut Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 (Akta 8). Juga adala jelas apa-apa yang berlaku kepada si plaintif di Arab Saudi adalah diluar kewajipan defendan. Tanggungjawab si defendan hanya setakat menguruskan kumpulan wang untuk menyelaraskan perjalanan ke Makkah. Kesemua perkara yang berlaku sewaktu urusan Haji di Tanah Suci adalah tanggungjawab Ministry of Pilgrimage and Endowments Kingdom of Saudi Arabia.

Sebarang kemalangan yang berlaku dan apa-apa tuntutan darinya tertakluk ke Peraturan dan Undang-Undang Arab Saudi. Memakai 'but for test' kemalangan yang telah berlaku tidak boleh disalahkan pada si defendan kerana kenderaan yang dinaiki plaintif dan pemandunya di luar jagaan si defendan, serta pemandu bas bukan di bawah arahan si defendan.

[2] Mutawwiff yang dikatakan agen defendan sebenarnya adalah pilihan plaintif sendiri dan bukan orang yang ditentukan oleh pihak yang berkuasa. Dengan memilih mutawwif persendirian yang menentukan kenderaan membawa plaintif ke lapangan terbang, si plaintif telah melanggar peraturan yang telah di tetapkan oleh defendan dan si plaintif juga telah tidak menurut peraturan pembagaian oleh Wakil Bersatu. Kenderaan yang dinaiki plaintif juga bukan kenderaan rasmi. Plaintif juga 'gagal' mendapatkan surat pengecualian yang dikenali sebagai 'Tanazol' apabila menukar kenderaan yang ditetapkan.

[3] Keterangan telah diberi bahawa isteri si plaintif telah mengeluarkan suaminya dari hospital bertentangan dengan nasihat doktor. 'Surat maafan' adalah keterangan yang membuktikan ini. Lagipun, membandingkan keterangan lisan isteri si plaintif dan saksi, isteri plaintif adalah kurang 'kredible'.

[4] Si defendan tidak mempunyai kewajipan berjaga - jaga langsung terhadap si plaintif.

[Tuntutan dibatalkan dengan kos].

Kes-kes yang dirujuk:
Cork v. Kirby Maclean Ltd. [1952] 2 All ER 402 ***(foll)***
Wilsher v. Essex Area Health Authority [1988] 1 All ER 871 ***(foll)***
McGhee v. National Coal Board [1973] WLR 1 ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Kontrak 1950, s. 135
Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969, s. 91(a)

Sumber-sumber lain yang dirujuk:
Bowstead on Agency Edisi 15 halaman 1
"**Law of Negligence in Malaysia"** oleh Haji Salleh Buang, CLBP 1990 m.s. 60
"Pilgrimage Instructions for the year 1402 AH (1982 AD)"

Bagi pihak plaintif - Amir Ismail; T/n. Tharkurta, Low & Amir Ismail
Bagi pihak defendan - Baharuddin Ali (Simon, Ronnie Yap & Heng Soh Koon bersamanya); T/n. Baharuddin Ali & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:
Penyata Tuntutan Terpinda si plaintif menyatakan:-

1. The plaintiff was at all material times a customer and/or client of the defendant.
2. The defendant was at all material times contractually responsible for the arrangements to have the Plaintiff safely perform his Haji at Mekkah, Jeddah, Saudi Arabia and to arrange for his safe return home to Malaysia.
3. It was a term and or implied in the said contract that the defendants shall exercise due care and attention in performing the said contract.
4. On or about 21 of October, 1982 the Plaintiff was lawfully travelling on a bus owned and/or driven by the defendant's servant and/or agent when the said bus violently collided into another vehicle causing the plaintiff to sustain severe injuries.
5. By reasons of the breach of the terms and conditions of the said contract the plaintiff sustained injuries and have suffered loss and damage.
6. The plaintiff was admitted to the Jeddah Hospital on 21 of October 1982. On 25 of October 1982 the defendant without the knowledge or consent of the plaintiff made arrangements for the plaintiff to be flown back from Jeddah to Kuala Lumpur.
7. On arrival at Kuala Lumpur the plaintiff was admitted to the Kuala Lumpur General Hospital.

Penyata pembelaan Terpinda si defendan pula

1. The defendant denies that the plaintiff was a customer and/or client of the defendant as alleged in paragraph 1 of the amended statement of claim and avers that the plaintiff was a mere depositor with the defendant to the Lembaga Urusan dan Tabung Haji Fund set up under the Lembaga Urusan dan Tabung Haji Act, 1969.
2. The defendant also denies that it was contractually responsible as alleged in paragraph 2 of the amended statement of claim and puts the plaintiff to strict proof thereof.
3. Paragraph 3 of the amended statement of claim is denied and the plaintiff is put to strict proof thereof.
4. The defendant does not admit Paragraph 4 of the amended statement of claim and avers that at no time was the bus in question owned or driven by the defendant or its driver the agent or servant of the defendant.
5. The defendant denies paragraphs 5,6,7 & 8 of the amended statement of claim and the particulars of injuries loss and damages alleged thereunder and put the plaintiff to strict proof thereof.
6. The defendant further contends that if the defendant was liable as alleged, which is denied, the plaintiff had by his wife namely Kamariah bt. Afdzaludin absolved and discharged the defendant from any liability thereof in a letter dated 25 October 1982.
7. Save as is hereinbefore expressly admitted, the defendant denies each and every allegation contained in the amended statement of claim as if the same were set out and specifically traversed.

Whereof the defendant prays the plaintiff's claim be dismissed with costs.

Sebagai permulaan biarlah saya katakan di sini bahawa dalam "*tort of negligence*" seseorang defendan tidaklah bertanggungjawab dalam sesuatu kecuaian melainkan kerugian yang dialami oleh si plaintif itu adalah diakibatkan oleh kecuaian si defendan. Dalam mempertimbangkan sama ada perbuatan atau peninggalan si defendan itu telah menyebabkan kerugian ke atas si plaintif ujian yang biasa diterimapakai dikenali "*but for test*". Dalam kes *Cork v. Kirby Maclean Ltd.* [1952] 2 ALL ER 402, Lord Denning telah berkata:

> if the damage would not have happened but for a particular fault, then that fault is the cause of

the damage; if it would have happened just the same, fault or no fault, the fault is not the cause of the damage.

Bukan sahaja kerugian yang dialami oleh si plaintif itu adalah diakibatkan oleh kecuaian si defendan, akan tetapi si plaintif untuk mendapatkan gantirugi daripada si defendan hendaklah membuktikan juga bahawa kerugian yang dialaminya itu tidaklah terlalu jauh, seperti kata Profesor Madya Haji Salleh Buang,:

> The drawing of this arbitrary line has been described as 'practical politics' in Palsgraf's case by Andrews J. and as 'practical reasons' not based on pure logic in ***The S.S. Edison*** [1933] AC 449 by Lord Wright". (Lihat "Law of Negligence in Malaysia" oleh Haji Salleh Buang, CLBP 1990 m. s. 60).

Dalam kes di hadapan saya fakta yang tak dipertikaikan adalah si plaintif dan isterinya (SP2) telah menyimpan sejumlah wang dengan si defendan bagi pengurusan dan penyenggaraan mereka menunaikan haji di Arab Saudi. Pada 7 September 1982 si plaintif bersama-sama SP2 telah berangkat ke Arab Saudi untuk menunaikan fardhu haji pada 22 Oktober 1982. Si plaintif bersama SP2 telah dijadualkan kembali ke Malaysia setelah habis menunaikan fardhu haji pada 21 Oktober 1982, apabila dalam perjalanan dari Makkah ke Lapangan Terbang Jeddah untuk pulang ke Malaysia bas yang mereka naikki telah terlibat dalam suatu kemalangan dengan sebuah lori di jalan raya Makkah, Jeddah, Arab Saudi. Berikutnya si plaintif dan SP2 telah dihantar ke Hospital Umum, Jeddah untuk mendapatkan rawatan. Si plaintif tidak sedarkan diri selepas kemalangan itu berlaku. Pada 25 Oktober 1982 si plaintif dalam keadaan tidak sedarkan diri dan SP2 telah dihantar pulang ke Malaysia menaikki- kapal terbang. Pada 26 Oktober 1982 si plaintif telah dimasukkan ke Hospital Besar, Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan. Pada masa itu si plaintif masih lagi tak sedarkan diri.

Dapat diperhatikan daripada fakta di atas bahawa si plaintif hanya seorang penyimpan dengan si defendan menurut Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji, 1969 (Akta 8) dan mukadimah Akta tersebut menyebut, "Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi menubuhkan suatu perbadanan bernama Lembaga Urusan dan Tabung Haji bagi tugas-tugas Lembaga, pengurusan suatu kumpulan wang untuk menyenggara dan menggunakan wang simpanan berhubung dengan perlindungan, pengawalan dan kebajikan am orang-orang yang menunaikan Haji ke Hedjaz dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.".

Dapat diperhatikan di atas bahawa apa-apa yang berlaku kepada plaintif di Arab Saudi adalah di luar kewajipan defendan. Seksyen 91(a) Akta tersebut memperuntukkan:

> every offence shall be deemed to have been committed and every cause of complaint to have arisen either in the place in which the same actually was commited or arose or in any place in which the offender or person complained against is found

Bukan itu sahaja, adalah nyata juga bahawa Sheikh/Mutawwiff yang membantu para Haji, termasuk plaintif di Arab Saudi adalah ejen Kerajaan Arab Saudi yang bertindak sebagai *principal*. Dalam P1, Pengarah Besar dalam kata pengantar telah berkata:

> Maklumat mengenai bayaran yang ditetapkan serta tanggungjawab Mutawwiff/ Dalil dan **Wakil Bersatu** terhadap Hujjaj adalah **berdasarkan peraturan Haji yang dikeluarkan oleh kerajaan Arab Saudi.** Maklumat lain adalah dirangka oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji berasaskan kepada pengalaman yang dialami di dalam beberapa tahun ini.
> (Penekanan oleh saya).

Dan di muka surat 36 dinyatakan pula:

> Segala kerja Hujjaj waktu di Jeddah adalah menjadi tanggungjawab "Wakil Bersatu" di Jeddah iaitu badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Arab Saudi bagi Jeddah, apabila ada sesuatu masalah yang timbul, Hujjaj adalah dinasihatkan berhubung dengan pihak Tabung Haji di Jeddah supaya dapat masalah itu dikemukakan kepada Wakil Bersatu

Daripada mukadimah Akta itu adalah jelas bahawa tanggungjawab defendan adalah untuk mengatur dan menyelaraskan rancangan bagi membolehkan plaintif mengerjakan haji di Arab Saudi dan kembali ke Malaysia dengan teratur dan sempurna. Dan dalam Risalah Penerangan kepada Hujjaj Malaysia (iaitu P1) dalam Bab Satu dinyatakan:

> Seperti Hujjaj sedia maklum, Tanah Suci itu adalah dalam negara Arab Saudi dan dengan itu segala urusan di sana adalah di bawah **Peraturan dan Undana-Undangnya**.
> (Penekanan oleh saya).

Perkara ini dikuatkan lagi oleh *"basic rule* keenam" dalam risalah berjudul, **"Pilgrimage Instruction for the Year 1402 AH (1982 AD)** yang dikeluarkan oleh Kingdom of Saudi Arabia. Ministry of Pilgrimage and Endowments - Office of the Minister (iaitu D6) yang berbunyi:

> No quarter inside or outside the Kingdom has the right to make agreements for lodging the pilgrims in Macca or Madina, or any matter relating to the pilgrims except after agreement with the concerned quarter in the Ministry of Pilgrimage And Endowments in order to undertake the necessary measures. Therefore, the pilgrimage service attendants should avoid doing so lest they may be reprimanded or even referred to the Disciplinary Board for the Service Attendants in order to take the regulatory measures against them. **Also the delegations sent by their governments for this purpose, should not directly contact either the Moallims or the land lords. They have, to coordinate that with the Ministry of Pilgrims and Endowments in the approved ways, and in accordance with regulations and instructions in force.**
> (Penekanan oleh saya).

Pada akhirnya setelah menimbangkan perkara-perkara yang saya sebutkan berpendapat bahawa si defendan tidak bertanggung-jawab mengenai kemalangan yang berlaku ke atas si plaintif pada 21 Oktober, 1982 dijalan raya Makkah-Jeddah oleh kerana itu adalah di luar kewajipan berjaga-jaga si defendan oleh kerana dengan hanya sebagai badan yang menerima wang daripada si plaintif, si defendan hanya dikehendakki menguruskan kumpulan wang itu untuk memastikan dan menyelaraskan bahawa si plaintif dapat meneruskan perjalanan ke Makkah dan pulang ke Malaysia dengan teratur dan sempurna. Hakikatnya ialah apa yang akan berlaku di Tanah Suci semasa urusan Haji itu adalah tanggungjawab Ministry of Pilgrimage and Endowments Kingdom of Saudi Arabia. Ini adalah jelas daripada D6 iaitu risalah **"Pilgrimage Instructions for the year 1402 AH (1982 AD)"** yang dikeluarkan oleh Ministry of Pilgrimage and Endowments Kingdom of Saudi Arabia dan dibekalkan kepada setiap bakal haji bagi tahun 1982. Perkara ini telah dijelaskan dengan nyata kepada semua bakal haji bagi tahun 1982 di P1 iaitu Risalah Penerangan kepada Hujjaj Malaysia untuk Musim Haji 1982 di mana para bakal haji diingatkan keadaan di Tanah Suci adalah:

> seperti Hujjaj sedia maklum, Tanah Suci itu adalah dalam negeri Arab Saudi dan dengan itu segala urusan di sana adalah di bawah Peraturan dan Undang-Undangnya.

Saya berpendapat bahawa sekiranya berlaku sesuatu kemalangan di sana maka Peraturan dan Undang-Undang Arab Saudilah yang terterimapakai dan si defendan hanya berupaya untuk memberikan bantuan sahaja dan bantuan itu pun hendaklah selaras dengan Peraturan dan Undang-Undang Arab Saudi. Arahan daripada Ministry of Pilgrimage And Endowments dalam *basic rule* keenamnya di antara lain menyebut:

> Also, the delegations sent by their governments, for this purpose (iaitu any matter relating to the pilgrims) should not directly contact with the Moallims or the Landlords. They have, to coordinate that with the Ministry of Pilgrimage And Endowments in the approved ways and in accordance with reguiations and instructions in force.

Jadinya adalah terang di sini bahawa dengan menerimapakai ujian yang dikenali *"but for test"* yang disebut di atas tadi, kemalangan yang berlaku pada 21 Oktober 1982 itu tidaklah boleh disalahkan si defendan oleh kerana bak kata Lord Denning, *fault or no fault* si defendan tidak berkuasa mengelakkan terjadinya kemalangan itu oleh kerana kenderaan yang dinaikki oleh si plaintif dan pemandunya adalah di luar jagaan si defendan lebih-lebih lagi pemandu bas itu bukanlah di bawah arahan si defendan.

Telah dihujahkan oleh pihak plaintif bahawa Sheikh-Sheikh Haji atau Mutawwiff yang memberi panduan ke atas para Haji di Tanah Suci, termasuk seorang Sheikh Abdul Rahim Abdul Ghaffoor yang digunakan sebagai mutawwiff oleh si plaintif, merupakan seorang ejen defendan dan tanggungjawab mutawwiff di Tanah Suci, di antaranya adalah, "Menyediakan kenderaan yang tertentu kepada Hujjaj di masa-masa yang menasabah untuk pergi ke Arafah, Muzdalifah, Mina dan seterusnya balik ke Makkah dengan bayaran-bayaran yang telah ditentukan, menunjukkan mereka ketempat-tempat khemah yang disediakan di Arafah, Mina dan tempat tinggal mereka di Makkah" (Lihat P1 muka surat 35). Kerananya hujah pihak Plaintif lagi maka terwujudlah perhubungan ejen prinsipal di antara Mutawwiff (dalam kes ini Sheikh Abdul Rahim Abdul Ghaffoor) dengan Defendan. Dan Encik Amir Ismail peguambela yang bijaksana

bagi pihak Plaintif telah menyarankan s. 135 Akta Kontrak 1950 dan **Bowstead on Agency** Edisi 15 halaman 1 sebagai autoriti untuk saranan itu. Dalam kes di hadapan saya ini, memanglah benar bahawa mutawwiff tersebut merupakan seorang ejen akan tetapi ejen kepada siapa. Dengan perkataan lain siapa yang menjadi prinsipalnya. Daripada keterangan yang dibentangkan dalam kes ini dapat diperhatikan bahawa:

> Maklumat mengenai bayaran yang ditetapkan serta tanggungjawab Mutawwiff/ Dalil dan wakil Bersatu terhadap Hujjaj adalah berdasarkan peraturan Haji yang dikeluarkan oleh Kerajaan Arab Saudi. Maklumat lain adalah dirangka oleh LUTH berasaskan kepada pengalaman yang dialami di dalam beberapa tahun ini. (Lihat P1 Rata Penghantar)

dan

> Segala urusan kerja Hujjaj waktu di Jeddah adalah menjadi tanggungjawab "Wakil Bersatu Di Jeddah" iaitu Badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Arab Saudi bagi mewakili Sheikh-Sheikh Haji. Tetapi oleh kerana keadaan di Jeddah, apabila ada sesuatu masalah yang timbul, Hujjaj adalah dinasihatkan berhubung dengan Pihak Tabung Haji di Jeddah supaya dapat masalah itu dikemukakan kepada "Wakil Bersatu". (Lihat P1 muka surat 36).

Dapat diperhatikan bahawa daripada keterangan lisan yang dibentangkan di Mahkamah terdapat 3 golongan atau sektor yang memandu para haji di Saudi Arabia yang dikenali Wakil Besar di Jeddah, Dalil atau Adilah di Madinah dan Mutawwiff atau Sheikh Haji di Makkah. Ketiga-tiga Sektor ini dilantik dan di bawah arahan Kerajaan Saudi Arabia. Defendan tiada kuasa dalam hal ini. Musa bin Salleh, Pengarah Kebajikan LUTH (SB1) telah berkata:

> Kuasa tak ada pada kita. Kita bantu sahaja sebab bahasa dan peraturan. Kuasa tetap pada Kerajaan Saudi. LUTH hanya sebagai co-ordinator sahaja.

Keterangan SBl itu telah disokong oleh Hashim b. Hj. Salleh (SP4) Timbalan Pengarah Besar (Haji) yang memberi keterangan bahawa:

> Ya saya terlibat dengan perundingan dengan pihak Berkuasa Saudi. Mereka menekankan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Tak ada kuasa yang diberikan kepada LUTH di Saudi Arabia oleh Kerajaan Saudi. Kerajaan Saudi tak benarkan LUTH melantik wakil atau ejen di Arab Saudi. Ya, LUTH tidak ada kuasa atau "*authority*" di Saudi Arabia. Kerajaan Arab Saudi yang lantik Sheikh-Sheikh Haji. LUTH tak boleh campur tangan.

Apabila para haji sampai di lapangan terbang Jeddah, dalam perjalanan untuk mengerjakan Haji, mereka akan menjalani pemeriksaan imigresen dan kemudian mereka akan masuk ke ruangan pertanyaan/pembayaran Sheikh Haji yang diurus oleh pegawai-pegawai Wakil Bersatu. Di sini para jemaah haji akan diuntukkan dengan mutawwiff yang telah ditentukan namanya semasa berada di Malaysia lagi dan kemudian nama mutawwiff itu akan diendorskan pada paspot mereka. Dalam kes ini si plaintif telah diuntukkan dengan mutawwiff yang bernama Sheikh Osman Umar Trengganu. (Lihat D7 muka surat 15 No.7) akan tetapi si plaintif telah mengikut mutawwiff yang lain bernama Sheikh Abdul Rahim Abdul Ghaffoor seorang Sheikh Haji persendirian. Adalah nyata di sini dengan memilih mutawwiff persendirian si plaintif telah melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh defendan dan juga beliau telah tidak menurut peraturan pembahagian oleh Wakil Bersatu. Ekoran daripada pemilihan sendiri itulah si plaintif semasa dalam perjalanan pulang dari Makkah ke Jeddah untuk balik ke Malaysia selepas mengerjakan ibadat haji telah menaikki kenderaan persendirian dan bukannya kenderaan-kenderaan rasmi yang disediakan oleh Kerajaan Saudi yang dipanggil "Naqabah". Adalah dinyatakan oleh DW1 dalam keterangannya di Mahkamah bahawa sekiranya si plaintif berhasrat hendak menukar kenderaan yang telah ditetapkan kepada satu kenderaan lain, maka si plaintif, perlu mendapatkan sepucuk surat pengecualian daripada pihak Naqabah dikenali "Tanazol". Dalam hal ini si plaintif tidak mendapatkan surat "Tanazol" tersebut oleh kerana:

> because they (pilgrims) do not want to arrive late at Jeddah Airport. And to depart early in the morning from Makkah and not during the night. (Lihat D5, D5T).

DW1 dalam keterangannya berkata, "Maksud 'Tanazol' itu ialah sekiranya berlaku apa-apa musibah, Naqabah dan Sheikh (Haji) tak bertanggungjawab." Adalah nyata di sini bahawa si plaintif tidak mahu menaikki bas yang disediakan oleh Naqabah dan "kalau berlaku accident, maka mesti repot kepada Sheikh (Haji) berkenaan yang akan menguruskannya. LUTH

tak ada kuasa untuk menguruskannya. Kami hanya membantu sahaja.". (Keterangan DW1). Malahan isteri si plaintif (SP2) mengakui bahawa si plaintif memilih menaikki kenderaan persendirian bila beliau memberi keterangan semasa diperiksa. semula:

> Yang saya tahu semua kenderaan disediakan oleh Sheikh (Abdul) Rahim Ghaffoor.

Adalah suatu perkara yang malang bahawa si plaintif telah tidak menuruti peraturan yang disediakan oleh si defendan. Sepatutnya, "kalau berlaku suatu accident mesti dilapurkan kepada polis. Polis akan tangkap pemandu yang terlibat dan yang bersalah akan ditahan dalam lokap sehingga 'injured party' memaafkannya; kalau tidak dimaafkan, akan dibawa ke mahkamah dan hakim akan tentukan pampasan. Kalau pemandu mati dalam accident itu tiada apa-apa tuntutan boleh dibuat dalam 'private vehicle'. Dalam kes Hj. Mahadi pemandu bas dan pemandu lori juga terbunuh.". (Lihat keterangan SP4).

Berkaitan dengan perkara bahawa si plaintif telah dikeluarkan daripada Hospital Umum Jeddah tanpa izin warisnya iaitu SP2, maka dalam hal ini dapat diperhatikan bahawa sungguhpun SP2 menyangkal keterangan Dr. Hj. Azmi (SB3), Pengarah Kesihatan LUTH, dalam keterangan pematahan (*rebuttal evidence*) apabila Mahkamah membenarkan SP2 dipanggil semula untuk memberikan keterangan tersebut saya berpandangan setelah memerhatikan tingkah laku kedua-dua orang saksi tersebut - SB3 dan SP2 memberikan keterangan di Mahkamah bahawa keterangan yang diberikan oleh SB3 dalam perkara ini adalah lebih boleh dipercayai. SB3 berkata:

> saya nasihatkan isteri Hj. Mahadi iaitu kes head injuries supaya suaminya jangan dikeluarkan daripada hospital Jeddah tetapi isterinya pohon bantuan LUTH untuk menerbangkan suaminya ke Malaysia

dan seterusnya SB3 bila menerangkan peraturan-peraturan mengeluarkan pesakit daripada hospital berkata:

(1) permohonan dibuat oleh waris
(2) ada surat kemaafan' daripada waris. Memang boleh dikeluarkan jika ada surat kemaafan oleh waris.

Dapat diperhatikan di sini bahawa sememangnya kedua-dua syarat itu telah dapat dipenuhi. SB2 memberi keterangan bahawa

a isteri plaintif ada membuat permohonan secara lisan untuk membawa pulang suaminya ke Malaysia dan lalu pihaknya iaitu defendan menyediakan surat pengakuan maaf untuk ditandatangani oleh isteri Plaintif dan kedua-dua surat (D4 A dan B) itu berbunyi:-

b *KEDUTAAN BESAR MALAYSIA*
BAHAGIAN URUSAN HAJI

Pejabat Urusan Haji
Kedutaan Besar Malaysia
P.O. Box 593
Jeddah
Saudi Arabia.

c Tel: 02-6652371
Bil. Surat Kami: (96) dlm. LUTH/SA/004/2/12 Jld.1:
Bil. Surat Tuan:
Tarikh: 25 Oktober 1982
Bersamaan:

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM
SURAT PENGAKUAN MAAF

d Saya tidak ada halangan Suami saya Mahadi bin Sahmarudin P. Hj. 170191 dikeluarkan daripada Hospital Am Jedeed Jeddah dan tidak akan membuat apa-apa tuntutan daripada mana-mana pihak berkaitan dengan kemalangan jalan raya di antara Makkah/ Jeddah pada 21hb Oktober, 1982

e t.t
Kamariah binti Afdzaludin
P.Hj. : B 170190

t.t
Saksi: Dr. Hj. Ahmad bin Ngah

Dihadapan saya,
Ketua Rombongan Haji
Malaysia
t.t.

f Dihadapan saya Haji Ghazali bin Che Wan
Penasihat Kedutaan
Kedutaan Besar Malaysia ke Arab Saudi
Jeddah

KEDUTAAN BESAR MALAYSIA
BAHAGIAN URUSAN HAJI

g Pejabat Urusan Haji
Kedutaan Besar Malaysia
P.O. Box. 593
Jeddah
Saudi Arabia
Tel: 02-6652371
Bil. Surat Kami: (95)dlm.LUTH/SA/004/2/12 Jld.1
h Bil. Surat Tuan:
Tarikh: 25 Oktober 1982
Bersamaan:

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM
SURAT PENGAKUAN MAAF

i Saya, Kamariah binti Afdzaludin yang menandatangani di bawah ini mengaku bahawa saya

telah memaafkan pihak yang berkenaan dengan kemalangan jalan raya pada 21Oktober 1982 dan tidak akan menuntut apa-apa. Saya membuat akuan ini dengan fikiran yang waras dan tanpa paksaan mana-mana pihak.

t.t
Kamariah binti Afdzaludin
P.Hj. : B170190

t.t
Saksi:Dr.Hj.Ahmad bin Ngah

Dihadapan saya
Ketua Rombongan Haji
Malaysia
t.t.
Dihadapan saya Haji Ghazali bin Che Wan
Penasihat Kedutaan
Kedutaan Besar Malaysia ke Arab Saudi
Jeddah

SB2 menyatakan bahawa beliau telah memaklumkan kepada pihak hospital Jeddah dan berkata:

> mengikut pihak hospital jemaah yang serious terpulanglah kepada mereka *'take the risk'*". Seterusnya SB2 berkata, "surat-surat ini diterima oleh pihak Saudi. Isteri Hj. Mahadi adalah di dalam keadaan sedar. Ia cedera ringan. Ada penterjemahan mengenai makna surat itu diberi kepada isteri Hj. Mahadi. LUTH bersedia membantu untuk suaminya dan dia dirawat di Malaysia.

Dapat diperhatikan bahawa dalam keterangan pematahannya SP2 telah berkata:

> Dia (iaitu Dr. Hj. Azmi (SB3)) tak pernah menasihatkan saya supaya jangan keluarkan suami saya (dari hospital Jeddah). Dr. Azmi kata suami saya balik ke Malaysia mesti tandatangan surat izin.

Jadi adalah nyata di sini bahawa SP2 mengetahui sekurang-kurangnya beliau mesti menandatangani surat keizinan jika mahu suaminya dikeluarkan dari hospital Jeddah. Jadinya tuduhan SP2 bahawa beliau pada masa itu ingatannya belum "*stable*" lagi dan tidak tahu menahu tentang isi kandungan surat pengakuan maaf (D4 A dan B) itu dan berasa tertipu adalah sedikit macam diada-adakan *(far fetched)* oleh kerana sememangnyalah setelah berada di Tanah Suci beberapa minggu mengerjakan ibadat Haji dan dalam perjalanan pulang pula ke Tanah Air seseorang jemaah Haji tentulah semakin teringatkan anak bini kaum keluarga dan kampung halaman. Apatah lagi jika seseorang itu ditimpa kemalangan seperti SP2, ingatan itu menjadi semakin kuat lagi. Yang sebenarnya perkara itu diakui sendiri oleh SP2 apabila beliau berkata:

> Lepas kemalangan itu saya ingat anak saya di Malaysia. Saya tak dapat rawat suami saya.

Ini adalah suatu perkara lumrah yang akan terjadi kepada sesiapa sahaja yang berada dalam keadaan begitu. Namun demikian daripada keterangan yang dibentangkan di Mahkamah, adalah terang bahawa SP2 adalah di dalam keadaan sedar dan tahu apa yang berlaku dan dilakukannya di Hospital Umum Jeddah pada hari tersebut. SB3 telah memberi keterangan bahawa SP2 semasa berada di Hospital Umum Jeddah adalah dikatakan dalam keadaan *normal, conscious.*

> Dia kata susah dalam bahasa, kapal terbang tinggal dua lagi.

Sementara SB2 pula memberi keterangan bahawa SP2

> adalah di dalam keadaan sedar. Ia cedera ringan.

Oleh sebab yang demikian saya berpendapat bahawa dalam suasana keterangan yang dikemukakan di Mahkamah itu si plaintif telah dikeluarkan oleh isterinya iaitu SP2 dengan pengetahuan dan izinnya dan saya menolak segala tuduhan yang dilemparkan kepada pegawai-pegawai Tabung Haji bahawa mereka telah cuai dalam membantu plaintif dan isterinya. Saya berpendapat bahawa si defendan telah menjalankan tugasnya dengan sempurna selaras dengan peranannya sebagai "*co-ordinator* atau penyalaras" dalam memberikan bantuan yang termampu secukupnya ke atas plaintif. Dapat diperhatikan bahawa si defendan bersedia membantu SP2 dan plaintif untuk dirawat di Malaysia dan si defendan "terpaksa gunakan 9 tempat duduk (kapal terbang) - *stretch case*" (lihat keterangan SB2) untuk membawa si plaintif pulang ke Malaysia dengan kapal terbang MAS yang disewa oleh defendan. Atas alasan di atas saya memutuskan bahawa mengenai bantuan yang diberikan kepada si plaintif dan isterinya semasa berada di Hospital Umum Jeddah si defendan telah menunaikan kewajipan berjaga-jaganya terhadap mereka berdua dan tiada perlanggaran kewajipan itu dilakukan oleh si defendan.

Tinggal satu perkara sahaja yang perlu saya sentuh di sini iaitu penghujahan- peguambela si plaintif bahawa tiada pengesahan daripada

doktor yang merawat si plaintif semasa si plaintif dikeluarkan dari hospital Umum Jeddah. (Lihat P8 dan P8 T). Saya berpendapat bahawa ini adalah suatu peraturan sahaja yang dikenakan oleh Hospital Umum Jeddah dan sebarang ketidakpatuhan mengenainya tidak ada kena mengena dengan si defendan. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa peraturan yang dikenakan itu telahpun dipenuhi. (Lihat D4 A dan B).

Dalam kes ini pada intinya tindakan sivil plaintif ialah untuk menuntut gantirugi bagi kecederaan yang dialaminya di Arab Saudi akibat satu kemalangan yang berlaku di jalan raya Makkah-Jeddah. Disisi undang-undang si plaintif mestilah pada amnya membuktikan bahawa si defendan mempunyai kewajipan berjaga-jaga terhadapnya dan kewajipan berjaga-jaga itu telah dilanggari dan akibat daripada perlanggaran kewajipan berjaga-jaga itu si plaintif telah mengalami kecederaan. Di sini si plaintif telah mendakwa bahawa si defendan telah cuai dalam kewajipan berjaga-jaganya terhadapnya. Untuk melekatkan tanggung-jawab kecuaian kepada defendan, si plaintif mestilah berupaya membuktikan bahawa si defendan adalah penyebab kecuaian tersebut. Hakikat bahawa si plaintif hendaklah membuktikan bahawa si defendan menjadi penyebab kecuaian yang mengakibatkan kecederaan plaintif sehingga membolehkan si plaintif mendapatkan gantirugi adalah satu prinsip asas dalam undang-undang kecuaian. Prinsip itu telah ditekankan dengan jelasnya sehingga dalam kes-kes di mana kecederaan adalah disebabkan oleh berbagai-bagai sebab *(multiple causes)* di mana *"but for test"* tak sesuai - prinsip ini masih menjadi tunggak untuk berjaya. Dalam kes *Wilsher v. Essex Area Health Authority* [1988] 1 All ER 871 HL telah memutuskan bahawa dalam semua kes mengenai bukti penyebab *(proof of causation)* si plaintif menanggung beban untuk membuktikan pada imbangan kebarangkalian, bahawa kecederaan yang dialaminya adalah disebabkan oleh kecuaian si defendan. Seterusnya Lord Bridge dalam kes *Wilsher* di atas menyatakan bahawa kes *McGhee v. National Coal Board* [1973] WLR 1 (di mana HL telah memberikan suatu tafsiran yang luas *(expansive interpretation)* dengan menyatakan bahawa tidaklah payah pihak plaintif membuktikan bahawa perlanggaran kewajipan berjaga-jaga si defendan adalah sebenarnya penyebab penyakit kulit yang dialami oleh si plaintif tetapi adalah mencukupi dengan hanya perbuatan tersebut akan menambahkan lagi risiko kepada si plaintif untuk mendapat penyakit kulit):

> laid down no new principle of law whatever. On the contrary it affirmed the principle that the onus of proving causation lies on the plaintiff adopting a robust and pragmatic approach to the undisputed facts of the case, the majority concluded that it was the legitimate inference of fact that the defendant's negligence had materially contributed to the pursuer's injury. The decision in my opinion is of no greater significance than that and the attempt to extract from it some esoteric principle which is some way modifies, as a matter of law, the nature of the burden of proof of causation which a plaintif ... must discharge once he has established a relevant breach of duty is a fruitless one.

Seterusnya Lord Bridge berkata lagi:

> whether we like it or not, the law, which only Parliament can change, requires proof of fault causing damage as the basis of liability in tort. We should do society nothing but disservice if we made the forensic process still more unpredictable and harzadous by distorting the law to accommodate the exigencies of what may seem hard cases.

Jadinya dalam kes di hadapan saya ini, adalah satu perkara malang yang si plaintif telah ditimpa oleh kemalangan sewaktu mengerjakan ibadat Haji di Makkah dan mendapat kecederaan. Untuk beliau berjaya dalam tindakannya terhadap defendan si plaintif mestilah berupaya membuktikan bahawa perlanggaran kewajipan berjaga - jaga defendan adalah menjadi penyebab kecederaan yang dialaminya dan keadaan ini tidaklah terlalu jauh *(remote)*. Si plaintif telah gagal berbuat demikian. Lebih penting daripada itu dalam kes ini berdasarkan keterangan yang dibentangkan, saya berpendapat bahawa si defendan tidak mempunyai kewajipan berjaga-jaga langsung terhadap si plaintif.